

Tak lena ombak badai benteng sementara

“Sehingga kini saya masih trauma dengan fenomena air pasang besar yang hampir meranapkan kediaman pada akhir Januari lalu,” kata Suraya Isa, 30, penduduk Kampung Pantai Kundor, di sini.

Suraya berkata, sejak dua minggu lalu, dia dan ahli keluarganya tidak dapat tidur lena kerana ombak besar yang membadai benteng penahan sementara yang dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Mac lalu sehingga hampir memasuki kediaman mereka.

Katanya, kerisauan mereka sekeluarga semakin memuncak, sejurus smengetahui fenomena air pasang besar gelombang kedua dijangka berlaku pada minggu ini.

“Sejak dari itu, hampir setiap jam kami akan meninjau keadaan ombak, ditambah pula dengan keadaan ribut dan angin kencang merisaukan kami kejadian air pasang besar akan berulang sekali lagi.

“Jarak rumah saya dengan pantai hanya 400 meter (m) daripada benteng penahan ombak yang dibina oleh JPS dan itupun sudah separuh yang runtuh dibadai ombak besar,” katanya ketika ditemui di Kampung Pantai Pulau Kundor, di sini, semalam.

Tinjauan Harian Metro mendapati keadaan ombak masih berada pada tahap biasa namun penduduk

berada dalam keadaan berjaga-jaga untuk mengelakkan kerugian besar seperti awal tahun ini.

Bagi Nur Fatin Azmi, 25, berkata, dia turut mengalami perkara yang sama berikutan ombak besar berserta angin kencang melanda kawasan pesisir pantai itu sejak beberapa hari lalu.

Katanya, kebanyakan penduduk yang tinggal di pesisir pantai sudah mula membuat persediaan awal bagi menghadapi fenomena air pasang besar yang diramal akan berlaku minggu ini.

“Saya dan ahli keluarga serta penduduk yang lain diarahkan memindahkan barang berharga ke surau yang berhampiran.

“Kami sekeluarga tidak sanggup menanggung kerugian lagi selepas beberapa kelengkapan rumah rosak dalam kejadian lalu dan ini menyebabkan kami mengambil langkah awal dengan meletakkan barang berharga ke tempat yang lebih selamat,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Tanpa Mukim Pulau Kundor Nik Aziz Nik Musa berkata, benteng penahan ombak sementara yang dibina JPS, Mac lalu, sedikit sebanyak membantu hakisan pantai yang lebih teruk.